

Hari Kekasih penuh romantik di PJ Hilton

Hotel tawar set menu Jepun, Barat selain cenderahati kepada pasangan di Restoran Uncle Chili

Oleh Seri Intan Othman

HARI Valentine tidak meriah tanpa menikmati hidangan makan malam penuh romantik bagi pasangan kekasih yang meraikan hari bahagian itu.

Untuk itu, Restoran Uncle Chili di hotel Hilton Petaling Jaya menyediakan hidangan enak untuk hari penuh bermakna itu pada 14 Februari ini bermula dengan hidangan pembuka selera dari menu Jepun - chinmi santen mori dan hidangan Barat udang dan kima bersama salad berkuah oren.

Bagi hidangan utama, tiga jenis disediakan iaitu daging panggang, ayam dimasak bersama bayam dan ikan dipanggang bersama shitake safon risoto.

Hidangan tidak lengkap tanpa pelbagai jenis coklat ciptaan Chef Azmir Zainun yang menyediakan chocolate mouse cake strawberry ramanoff, chocolate sorbet orange soup, kek keju, straberi dan mashmellow bersalut coklat dan pelbagai jenis buah-buahan.

Makan malam anda bertambah meriah dengan hiasan dalam penuh romantik berkonsepkan warna merah dan hitam serta belon berwarna merah, perak dan keemasan.

Setiap pengunjung diberi coklat Ferrero Rocher sebagai cenderahati. Selain Uncle Chili, Restoran Paya Serai yang terkenal dengan masakan Melayunya turut menyediakan pelbagai hidangan termasuk sate, pelbagai jenis makanan laut dan biri-biri dipanggang dan tandoori.

Hidangan pencuci mulut termasuk tat buah-buahan, puding mentega, kek, tiramisu dan ais krim.

Begitu juga restoran Genji Japanese yang menyediakan hidangan sashimi moriwase, beef asara enoki maki, tai cheese yaki dan nasi bawang putih. Untuk keterangan lanjut hubungi 03-79559122.



MACAM-MACAM ADA: Pelbagai hidangan pencuci mulut disajikan.



HIDANGAN KEKASIH: Chef Azmir dengan hidangan istimewa Valentine.



SURAM: Suasana penuh romantik.



ENAK: Hidangan utama ayam, daging dan ikan.